

ALUMNI NETWORK WEBSITE DATA PROTECTION NOTICE

Effective: July 1, 2025

[Versi Malay](#)

I. INTRODUCTION

Thank you for making a connection and requesting to join our Alumni Network Website.

The legal entity, Bank of America, National Association, has prepared this Alumni Network Website Data Protection Notice ("Notice") to outline how Bank of America N.A., and each other affiliate or subsidiary ("affiliate") of Bank of America Corporation (collectively, "the Company", "we", "us", or "our") collect, use, store, transfer and otherwise process individually identifiable information about Alumni ("**Personal Data**") who visit or use the Bank of America Alumni Network Website or mobile application. For the purposes of this Notice, "**Alumni**" means any individual who is a former employee of the Company who has retired or left in good standing as determined by us and limited to use of this site. The Company may also provide to Alumni additional data protection or privacy notices from time to time.

In the event this Notice is provided to an Alumni in a language other than English, any discrepancy, conflict or inconsistency between the two language versions shall be resolved in favor of the English version, subject to applicable law.

II. PERSONAL DATA COLLECTION AND PURPOSES OF USE

Participation in the Alumni Network Website requires the Company to collect Personal Data that is directly relevant to its business, required to meet its legal obligations, or otherwise permissible to collect under applicable law. Listed in [Appendix A](#) of this Notice are the categories of Personal Data that we collect and the purposes for which we use the data that we collect, except where restricted by applicable law. We receive Personal Data from you and from other sources, including public sources. In addition, data collected while you were an employee at the Company may be leveraged by the Alumni network. To join the Network, you must first acknowledge the Data Protection Notice by checking the confirmation box when creating your account. Checking this box indicates that you are providing consent to your information to be displayed and shared, and for the program to use your contact information.

We collect and process Personal Data about you: (i) because we are required or permitted to do so by applicable law, (ii) because such information is necessary for membership of the Alumni Network, (iii) because such information is of particular importance to us and we have a specific legitimate interest under law to process it, (iv) where the Personal Data is necessary for the establishment, exercise or defense of legal claims, or (v) where necessary, we obtain consent of Alumni for collection and processing of Personal Data.

If you do not provide certain categories of Personal Data, the Company may not be able to accomplish some of the purposes outlined in this Notice and we may not be able to grant you membership.

III. COOKIES AND TRACKING TECHNOLOGY

Non-essential and essential cookies are collected on some websites and mobile applications that the Company uses. Please refer to the following [policy](#).

This site may leverage technology to collect information on where Alumni are located, which in turn may be used to present job openings, volunteer activities and other opportunities to participate in the Alumni Network. See Section VI for information on how you can delete your personal data.

Industry standards continue to evolve around web browser "do not track" signals or configurations set in your internet browser. Bank of America captures opt out preference signals, and to the extent users have rights under applicable law, treats them as valid requests to opt out of sale/sharing at the browser level.

We may use third-party providers to process personal information for business purposes on our behalf. Third-party providers are contractually obligated to comply with our policies to protect information we share with them or they collect on our behalf.

IV. DISCLOSURE

To the extent permitted by applicable law and as appropriate to achieve the purposes described in this Notice, Personal Data may be disclosed by the Company as follows:

Given the global nature of the Company's activities, the Company may (subject to applicable law) transmit Personal Data, to other Bank of America affiliates or operations located in other jurisdictions, including the United States or other jurisdictions where data protection laws may not provide an equivalent level of protection to the laws in the Alumni's home jurisdiction. A listing of affiliates belonging to the Bank of America Corporation group can be provided upon request using the contact information provided in the Questions section of this notice.

The Company may disclose in accordance with applicable law relevant Personal Data to certain third parties in connection with the provision of services to the Company. Where the processing of Personal Data is delegated to a third party data processor, such as those listed in [Appendix A](#), the Company will delegate such processing in writing, will choose a data processor that provides sufficient guarantees with respect to technical and organizational security measures, such as data protection and information security requirements, governing the relevant processing and will ensure that the processor acts on the Company's behalf and under the Company's instructions.

Personal Data also may be disclosed, where permitted by applicable law, in connection with a corporate restructuring, sale, or assignment of assets, merger, divestiture, or other changes of the financial status of the Company or any of its subsidiary or affiliated companies.

V. SECURITY

The Company maintains appropriate technical and organizational measures designed to protect against unauthorised or unlawful processing of Personal Data and/or against accidental loss, alteration, disclosure or access, or accidental or unlawful destruction of or damage to Personal Data.

VI. ACCESS, PORTABILITY, RECTIFICATION AND SUPPRESSION, LIMITATION AND RESTRICTION OF PROCESSING AND ACCURACY OF PERSONAL DATA

Alumni are entitled to access Personal Data held about them (with the exception of any documents that are subject to legal privilege, that provide Personal Data about other Alumni, or that otherwise are not subject to data subject access rights). Any Alumni who wishes to access their Personal Data or (where permitted under applicable law) request portability of their data should contact a member of the Alumni Network Program Office using the contact information set out in the Questions section below.

To the extent required by applicable law, Alumni have the right to have inaccurate data corrected or removed (at no charge to the Alumni and at any time) or to limit or restrict processing of their data.

To assist the Company in maintaining accurate Personal Data, Alumni must ensure they keep their Personal Data up to date on the Company's Alumni portal. In the event that the Company becomes aware of any inaccuracy in the Personal Data it has recorded, it will correct that inaccuracy at the earliest practical opportunity.

To the extent available under applicable law, Alumni may also have the following rights (including but not limited to):

- to request a copy of Personal Data held by the Company (as part of an access request above);
- to request further information or complain about the Company's practices and processes regarding their Personal Data;
- to object to, withdraw consent to, restrict, or request discontinuance of collection, use, disclosure and other processing of their Personal Data as described in this Notice and to request deletion of such Personal Data by the Company.
- rights related to automated decision making

For all inquiries, Alumni should contact a member of the Alumni Network Program Office using the contact information set out in the Questions section below. Under applicable law, in certain circumstances, the Company may be exempt from or entitled to refuse the above requests or rights. Certain additional terms and conditions may be applicable to process requests or rights, such as requiring communications to be in writing or requiring proof of identity.

VII. MODALITIES OF THE PROCESSING AND DATA RETENTION

The Company does not use automated decision making on Alumni processes. 'Automated decision-making' is the process of making a decision by automated means without any human involvement.

Collection, use, disclosure, transfer and other processing, including storage, of Personal Data may be by electronic or manual means, including by hard-copy or soft-copy documents or other appropriate technology. Personal Data may be stored in an Alumni's home jurisdiction and/or other jurisdictions in which the Company has operations.

The Company will maintain Personal Data for as long as it is required to do so by applicable law(s) or for as long as necessary for the purpose(s) of use and processing in Section II, whichever is longer (“the retention period”). Any maximum storage term set forth by applicable law will prevail. The Company will delete Personal Data after the applicable retention period. The retention periods for each type of data and jurisdiction are outlined on the Global Records Retention Schedule.

The criteria used to determine our retention periods include:

- As long as we have an ongoing relationship with the Alumni;
- As required by a legal obligation to which we are subject;
- As advisable in light of our legal position (such as in regard of applicable statutes of limitations, litigation, or regulatory investigations);
- The time period necessary to achieve the purpose of use and processing.

Any maximum storage term set forth by applicable law will prevail. The Company will delete Personal Data after the applicable retention period.

Jurisdiction (Country)	Personal Data Retention Period
All Countries	Active Use +3 Years

VIII. QUESTIONS

Should any Alumni have any questions, concerns or complaints about this Notice, please contact the Data Protection Officer using the contact details below. For individual rights, please contact the Alumni Program via email: alumni.network@bofa.com **or please contact the Human Resources Service Center via phone at 00800.4772.4772 or +44.1244.825444.**

In certain countries, if you have additional queries about the way in which the Company processes your Personal Data more broadly you may contact the local Data Protection Officer using the following contact details:

All regions: DPO@bofa.com

Alumni may have the right to lodge a complaint with the local Data Protection authority.

IX. CHANGES TO THIS NOTICE

Should the Company substantially modify the manner in which it collects or uses Personal Data, the type of Personal Data it collects or any other aspect of this Notice, it will notify Alumni as soon as reasonably possible by reissuing a revised Notice or taking other steps in accordance with applicable laws including obtaining Alumni consent where required.

X. JURISDICTION-SPECIFIC CLAUSES

MALAYSIA

Appendix A for Alumni, details the purposes and activities of how your Personal and Sensitive Personal Data is used. These sections also detail the types of third parties with whom we share your Personal and Sensitive Personal Data.

All reasonable steps are taken to ensure security, privacy and integrity of any Personal and Sensitive Personal Data transferred to recipients outside Malaysia where data protection laws may not provide an equivalent level of protection to the laws of Malaysia. The Company must rely on your consent to transfer Personal and Sensitive Personal Data to unaffiliated third-party recipients outside Malaysia.

Consent of the Notice

I have read the “Alumni Network Data Protection Notice” describing the collection, processing and use of my Personal Data by the Company, and the international transfer of my Personal Data (including to jurisdictions where data protection laws may not provide an equivalent level of protection to the laws of my home jurisdiction) during the course of enrolment into the network. By voluntarily submitting my Personal Data, I explicitly consent to the processing as set out in this Notice.

Appendix A

The table below contains the purpose for which we may process your personal data, the types of processing activities that may take place and the category of personal information that would be used for such processing as well as the legal basis for the processing. More information is listed below the table about the personal information categories.

Purpose	Examples of Processing Activities	Personal Information Categories	Legal Basis
Alumni Network	- To process registration and provide verification of Alumni accounts and related customer service - To facilitate participation in the Alumni Network program - For connectivity to Cybergrants and volunteering - To provide a One-Time Authentication Code (OTAC) for security technology reasons - To enable recruiting activities and talent management - To communicate regarding Bank of America news, invitations to special events, volunteer activities and various Alumni benefits - To provide offers related to Bank of America products, financial services, and benefits - To send messages from the Alumni Network team - To enable voluntary connections, social and networking communications between Alumni - To facilitate data analytics and research regarding the effectiveness of our Alumni program and related activities - To accomplish other business purposes of Bank of America and its Alumni Network - To monitor for fraud and security purposes, and prevent cyberattacks - To comply with legal and regulatory obligations	Personal Details: Name*, Profile Photo, Current Location*, Postal Address, State* Professional Details: Employment Status*, Current Company* and Industry Contact Information: Email Address*, LinkedIn Profile, Phone Number Career at Bank of America: Year Started*, Year Left*, Most recent Line of Business*, Most recent Position/Job Title, Bank of America Office city*, Bank of America office State, Band, Corporate Title, Name of recent manager, Bank of America Standard ID (NBK ID), Bank of America Person Number - Financial Account Information - Retirement/Pension Planning Information Optional Questions: Interest in Employee Groups/Networks, Interest in Community Service Areas	Consent - To obtain consent to use data to deliver the Alumni Network including for registration, support, and services. - Withdrawal of consent will not affect the lawfulness of processing based on consent before its withdrawal.

*Personal Data marked with an asterisk in the Section above is mandatory for Alumni to provide directly to the Company. It is voluntary for Alumni to provide other types of Personal Data and information about themselves. The Alumni Program Team may append or revise the following Personal Data points based on Bank of America's Global Human Resource records (for instance, if a person number has been entered by the member and it has two numbers inverted or this field is left blank, this will be corrected by the Alumni Program Team for data accuracy purposes. The following personal data categories may be inputted indirectly. Some of the personal data listed above may be shared, collected, used, transferred and/or disclosed in-line with country specific laws/regulations.

Indirect data collected during your employment with the Company:

- **Job Information:** Job title and/or position and description of responsibilities/duties, job family, location, band/seniority, Employee Identifiers (e.g., Person Number), department, line and sub-line of business, local Company entity name, cost centre information, supervisor/manager/team lead name.

The Categories Of Unaffiliated Third Parties With Whom We May Share Personal Data

Categories of third parties	Personal Data	Purpose of processing your Personal Data	Destination Countries
Event Vendors	Personal Details: Name*, Profile Photo, Current Location*, Postal Address, State* Professional Details: Employment Status*, Current Company* and Industry Contact Information: Email Address*, LinkedIn Profile, Phone Number	For use in planning events and communicating with members of the Bank of America Alumni network	Globally where we have presence Bank of America Locations

NOTIS PERLINDUNGAN DATA LAMAN WEB RANGKAIAN ALUMNI

Berkuat kuasa 1 Julai 2025

I. PENGENALAN

Terima kasih kerana berhubung dan meminta untuk menyertai Laman Web Rangkaian Alumni kami. Entiti undang-undang Bank of America National Association telah menyediakan Notis Perlindungan Data Laman Web Rangkaian Alumni ini ("Notis") untuk menggariskan cara Bank of America N.A., dan setiap sekutu atau anak syarikat lain ("sekutu") Bank of America Corporation (secara kolektif, "Syarikat", "kami", "kita", atau "milik kami") mengumpul, menggunakan, menyimpan, memindahkan dan sebaliknya memproses maklumat yang boleh dikenal pasti secara individu tentang Alumni ("**Data Peribadi**") yang melawat atau menggunakan Laman Web atau aplikasi mudah alih Rangkaian Alumni Bank of America. Untuk tujuan Notis ini, "**Alumni**" bermaksud mana-mana individu yang merupakan bekas pekerja Syarikat yang telah bersara atau meninggalkan Syarikat dalam status baik seperti yang ditentukan oleh kami dan terhad kepada penggunaan laman web ini. Pihak Syarikat juga boleh memberi Alumni perlindungan data tambahan atau notis privasi dari semasa ke semasa.

Sekiranya Notis ini disediakan kepada Alumni dalam bahasa selain daripada Bahasa Inggeris, sebarang percanggahan, konflik atau butiran yang tidak konsisten antara dua versi bahasa ini hendaklah diselesaikan dengan mengutamakan versi Bahasa Inggeris, tertakluk pada undang-undang yang terpakai.

Sila akses pautan berikut untuk Notis Perlindungan Data dalam bahasa selain Bahasa Inggeris:

[NOTIS PERLINDUNGAN DATA LAMAN WEB RANGKAIAN ALUMNI](#)

II. PENGUMPULAN DAN TUJUAN PENGGUNAAN DATA PERIBADI

Penyertaan dalam Laman Web Rangkaian Alumni memerlukan Syarikat mengumpul Data Peribadi yang berkaitan secara langsung dengan perniagaannya, yang diperlukan untuk memenuhi tanggungjawabnya yang sah, atau selain daripada itu yang dibenarkan untuk dikumpulkan di bawah undang-undang yang terpakai. Tersenarai dalam [Lampiran A](#) Notis ini ialah kategori Data Peribadi yang kami kumpulkan dan tujuan kami menggunakan data yang telah kami kumpulkan, kecuali yang dibatasi oleh undang-undang tempatan. Kami menerima Data Peribadi daripada anda dan daripada sumber lain, termasuk sumber awam. Selain itu, data yang dikumpulkan semasa anda bekerja di syarikat ini mungkin digunakan oleh rangkaian Alumni. Untuk menyertai Rangkaian, anda mesti terlebih dahulu mengiktiraf Notis Perlindungan Data dengan menanda kotak pengesahan semasa mencipta akaun anda. Dengan menandakan kotak ini, anda menunjukkan bahawa anda membenarkan maklumat anda dipaparkan dan dikongsi, dan anda membenarkan program menggunakan maklumat hubungan anda.

Kami mengumpul dan memproses Data Peribadi tentang anda: (i) kerana kami dikehendaki atau dibenarkan berbuat demikian oleh undang-undang yang terpakai, (ii) kerana maklumat sedemikian diperlukan untuk keahlian Rangkaian Alumni, (iii) kerana maklumat tersebut penting bagi kami dan kami mempunyai kepentingan sah yang tertentu menurut undang-undang untuk memprosesnya, (iv) apabila Data Peribadi diperlukan untuk mewujudkan, melaksanakan atau mempertahankan tuntutan undang-

undang, atau (v) apabila perlu, kami mendapatkan persetujuan Alumni untuk pengumpulan dan pemprosesan Data Peribadi.

Sekiranya anda tidak memberi kategori Data Peribadi tertentu, Syarikat mungkin tidak dapat memenuhi sesetengah tujuan yang digariskan dalam Notis ini dan kami mungkin tidak dapat memberi keahlian kepada anda.

III. KUKI DAN TEKNOLOGI PENJEJAKAN

Kuki penting dan yang tidak penting dikumpulkan di beberapa laman web dan aplikasi mudah alih yang digunakan oleh Syarikat. Sila rujuk [dasar](#) berikut.

Laman web ini mungkin memanfaatkan teknologi untuk mengumpul maklumat di lokasi Alumni, yang seterusnya boleh digunakan untuk memaparkan peluang pekerjaan, aktiviti sukarelawan dan peluang lain untuk menyertai Rangkaian Alumni. Lihat Bahagian VI untuk mendapatkan maklumat tentang cara anda boleh memadamkan data peribadi anda.

Standard industri terus berkembang berkaitan isyarat “jangan jejak” penyemak imbas atau konfigurasi yang ditetapkan dalam penyemak imbas internet anda. Bank of America merekodkan isyarat pilihan tarik diri, dan setakat pengguna mempunyai hak di bawah undang-undang yang terpakai, menganggapnya sebagai permintaan yang sah untuk menarik diri daripada penjualan/perkongsian di peringkat penyemak imbas.

Kami mungkin menggunakan pembekal pihak ketiga untuk memproses maklumat peribadi bagi tujuan perniagaan bagi pihak kami. Pembekal pihak ketiga bertanggungjawab secara kontrak untuk mematuhi dasar kami untuk melindungi maklumat yang kami kongsi dengan mereka atau yang mereka kumpulkan bagi pihak kami.

IV. PENDEDAHAN

Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang tempatan yang terpakai dan sesuai untuk mencapai tujuan yang dinyatakan dalam Notis ini, Data Peribadi boleh didedahkan oleh Syarikat seperti berikut:

Memandangkan sifat global aktiviti Syarikat, Syarikat boleh (tertakluk pada undang-undang yang terpakai) menghantar Data Peribadi, ke sekutu Bank of America yang lain atau operasi yang terletak di bidang kuasa lain, termasuk Amerika Syarikat atau bidang kuasa lain di mana undang-undang perlindungan data mungkin tidak menyediakan tahap perlindungan yang setara dengan undang-undang bidang kuasa tempatan Alumni. Senarai syarikat sekutu yang dimiliki oleh kumpulan Bank of America Corporation boleh disediakan atas permintaan dengan menggunakan maklumat hubungan yang diberikan dalam bahagian Soalan dalam notis ini.

Selaras dengan undang-undang terpakai, pihak Syarikat boleh mendedahkan Data Peribadi yang relevan kepada pihak ketiga tertentu berkaitan penyediaan perkhidmatan kepada Syarikat. Apabila pemprosesan Data Peribadi diwakilkan kepada pemproses data pihak ketiga, seperti yang disenaraikan dalam [Lampiran A](#), pihak Syarikat akan mewakilkan pemprosesan yang sedemikian secara bertulis, akan

memilih pemproses data yang memberikan jaminan yang memuaskan berkenaan dengan langkah-langkah keselamatan teknikal dan organisasi, seperti keperluan perlindungan data dan keselamatan maklumat, mentadbir urus pemprosesan yang relevan dan akan memastikan pemproses data pihak ketiga bertindak bagi pihak Syarikat dan di bawah arahan Syarikat.

Data Peribadi juga boleh didedahkan, jika dibenarkan oleh undang-undang bersesuaian, berkaitan dengan penyusunan semula korporat, penjualan, atau penyerahan hak aset, penggabungan, penyahlaburan, atau perubahan lain dalam status kewangan Syarikat atau mana-mana anak syarikatnya atau syarikat sekutunya.

V. KESELAMATAN

Syarikat mengekalkan kaedah-kaedah teknikal dan organisasi yang sesuai yang dirancang untuk melindungi daripada pemprosesan Data Peribadi yang tidak dibenarkan atau menyalahi undang-undang dan/atau daripada kehilangan secara tidak sengaja, pindaan, pendedahan atau akses, atau pemusnahan atau kerosakan Data Peribadi secara tidak sengaja atau menyalahi undang-undang.

VI. AKSES, KEMUDAHALIHAN, PEMBETULAN DAN PENYEKATAN, PEMBATAHAN DAN SEKATAN PEMROSESAN DAN KETEPATAN DATA PERIBADI

Alumni berhak mengakses Data Peribadi mereka yang disimpan (kecuali mana-mana dokumen yang tertakluk pada keistimewaan undang-undang, yang mengandungi Data Peribadi tentang Alumni lain, atau yang sebaliknya tidak tertakluk pada hak akses subjek data). Mana-mana Alumni yang ingin mengakses Data Peribadi mereka atau (jika dibenarkan di bawah undang-undang terpakai) meminta kemudahalihan data mereka harus menghubungi ahli Pejabat Program Rangkaian Alumni menggunakan maklumat hubungan yang dinyatakan dalam Bahagian Soalan di bawah.

Setakat yang dikehendaki oleh undang-undang berkenaan, Alumni mempunyai hak untuk membetulkan atau membuang data yang tidak tepat (tanpa dikenakan bayaran kepada Alumni dan pada bila-bila masa) atau untuk membataskan atau menyekat pemprosesan data mereka.

Untuk membantu Syarikat dalam mengekalkan Data Peribadi yang tepat, Alumni mesti memastikan bahawa mereka mengemas kini Data Peribadi mereka dalam portal Alumni Syarikat. Sekiranya Syarikat menyedari akan sebarang ketidaktepatan pada Data Peribadi yang direkodkan, Syarikat akan membetulkan ketidaktepatan tersebut dengan secepat mungkin.

Setakat yang tersedia di bawah undang-undang yang terpakai, Alumni juga boleh mempunyai hak-hak berikut (termasuk tetapi tidak terhad kepada):

- untuk meminta salinan Data Peribadi yang dipegang oleh Syarikat (sebagai sebahagian daripada permintaan akses di atas);
- untuk meminta maklumat lanjut atau mengadu mengenai amalan dan proses Syarikat mengenai Data Peribadi mereka;
- untuk membantah, menarik balik persetujuan, membataskan atau meminta penghentian pengumpulan, penggunaan, pendedahan dan pemprosesan lain Data Peribadi mereka seperti yang diuraikan dalam Notis ini dan untuk meminta pemadaman Data Peribadi sedemikian oleh pihak Syarikat.
- hak berkaitan dengan pemprosesan keputusan automatik

Untuk semua pertanyaan, Alumni hendaklah menghubungi ahli Pejabat Program Rangkaian Alumni dengan menggunakan maklumat hubungan yang dinyatakan dalam bahagian Soalan di bawah. Di bawah undang-undang berkenaan, dalam keadaan tertentu, Syarikat mungkin dikecualikan daripada atau berhak menolak permintaan atau hak di atas. Terma dan syarat tambahan tertentu mungkin terpakai bagi memproses permintaan atau hak, seperti memerlukan komunikasi dibuat secara bertulis atau memerlukan bukti identiti.

VII. MODUS PEMROSESAN DAN PENGEKALAN DATA

Pihak Syarikat tidak menggunakan kaedah membuat keputusan secara automatik dalam proses-proses yang melibatkan Alumni. 'Membuat keputusan automatik' ialah proses membuat keputusan secara automatik tanpa penglibatan mana-mana manusia.

Pengumpulan, penggunaan, pendedahan, pemindahan dan pemprosesan lain, termasuk penyimpanan Data Peribadi boleh dilakukan secara elektronik atau secara manual, termasuk menggunakan dokumen salinan cetak atau salinan digital atau teknologi lain yang sesuai. Data Peribadi boleh disimpan di bawah bidang kuasa tempatan Alumni dan/atau bidang kuasa lain tempat pihak Syarikat beroperasi.

Syarikat akan mengekalkan Data Peribadi selagi ia dikehendaki oleh undang-undang berkenaan untuk berbuat demikian atau selagi perlu bagi tujuan penggunaan dan pemprosesan yang dinyatakan dalam Bahagian II, mana-mana yang lebih lama ("tempoh pengekalan"). Mana-mana tempoh penyimpanan maksimum yang ditetapkan oleh undang-undang yang terpakai akan dikekalkan. Syarikat akan memadamkan Data Peribadi selepas tempoh pengekalan yang berkenaan. Tempoh pengekalan bagi setiap jenis data dan bidang kuasa digariskan dalam Jadual Pengekalan Rekod Global, yang disediakan atas permintaan.

Kriteria yang digunakan bagi menentukan tempoh pengekalan kami termasuk:

- Selagi kami mempunyai hubungan yang berterusan dengan Alumni;
- Seperti yang diperlukan oleh kewajipan undang-undang yang tertakluk;
- Seperti yang dinasihatkan dengan mengambil kira kedudukan undang-undang kami (misalnya yang berkaitan dengan statut pembatasan yang terpakai, litigasi, atau penyiasatan pengawalseliaan);
- Tempoh masa yang diperlukan untuk mencapai tujuan penggunaan dan pemprosesan.

VIII. PERTANYAAN

Sekiranya mana-mana Alumni mempunyai sebarang soalan, kebimbangan atau aduan tentang Notis ini, sila hubungi Pegawai Perlindungan Data dengan menggunakan butiran hubungan di bawah. Untuk hak individu, sila hubungi Program Alumni melalui e-mel: alumni.network@bofa.com atau sila hubungi Pusat Perkhidmatan Sumber Manusia melalui telefon di 00800.4772.4772 atau +44.1244.825444.

Di sesetengah negara, jika anda mempunyai pertanyaan tambahan mengenai cara Syarikat memproses Data Peribadi anda dengan lebih meluas anda boleh menghubungi Pegawai Perlindungan Data tempatan anda, dengan menggunakan butiran hubungan berikut:

Semua wilayah: DPO@bofa.com

Alumni berhak untuk mengemukakan aduan kepada pihak berkuasa Perlindungan Data tempatan.

IX. PINDAAN TERHADAP NOTIS INI

Jika pihak Syarikat membuat perubahan ketara berkaitan cara ia mengumpul dan menggunakan Data Peribadi, jenis Data Peribadi yang dikumpul atau apa-apa aspek lain Notis ini, pihak Syarikat akan memberitahu Alumni secepat mungkin dengan mengeluarkan semula pindaan Notis atau mengambil langkah-langkah lain berdasarkan undang-undang yang terpakai termasuk mendapatkan kebenaran Alumni jika diperlukan.

X. KLAUSA KHUSUS BIDANG KUASA

MALAYSIA

Lampiran A untuk Alumni memperincikan tujuan dan aktiviti bagaimana Data Peribadi dan Sensitif anda digunakan. Bahagian ini juga memperincikan jenis pihak ketiga yang kami kongsi Data Peribadi dan Peribadi Sensitif anda.

Semua langkah yang munasabah diambil untuk memastikan keselamatan, privasi dan integriti mana-mana Data Peribadi dan Sensitif yang dipindahkan kepada penerima di luar Malaysia di mana undang-undang perlindungan data mungkin tidak memberikan tahap perlindungan yang setara dengan undang-undang Malaysia. Syarikat mesti bergantung pada persetujuan anda untuk memindahkan Data Peribadi dan Sensitif kepada penerima pihak ketiga yang tidak bersekutu di luar Malaysia.

Persetujuan Notis

Saya telah membaca “Notis Perlindungan Data Rangkaian Alumni” yang memerihalkan pengumpulan, pemprosesan dan penggunaan Maklumat Data Peribadi saya oleh Syarikat, serta pemindahan antarabangsa Data Peribadi saya (merangkumi pemindahan ke bidang kuasa yang mana undang-undang perlindungan data mungkin tidak memberikan tahap perlindungan yang setaraf dengan undang-undang bidang kuasa negara asal saya) dalam proses pendaftaran menyertai rangkaian. Dengan menyerahkan Data Peribadi saya secara sukarela, saya dengan jelasnya bersetuju dengan pemprosesan tersebut seperti yang dinyatakan dalam Notis ini.

Lampiran A

Jadual di bawah mengandungi tujuan yang membolehkan kami memproses data peribadi anda, jenis aktiviti pemprosesan yang boleh dilakukan dan kategori maklumat peribadi yang akan digunakan untuk pemprosesan sedemikian serta asas undang-undang untuk pemprosesan tersebut. Maklumat lanjut mengenai kategori maklumat peribadi telah disenaraikan di bawah jadual.

Tujuan	Contoh Aktiviti Pemprosesan	Kategori Maklumat Peribadi	Asas Undang-undang
Rangkaian Alumni	• Untuk memproses pendaftaran dan menyediakan pengesahan akaun Alumni dan perkhidmatan pelanggan yang berkaitan • Untuk memudahkan penyertaan dalam program Rangkaian Alumni • Untuk menyediakan Kod Pengesahan Sekali Guna (OTAC) untuk tujuan keselamatan teknologi • Untuk membolehkan aktiviti perekrutan dan pengurusan bakat • Untuk berkomunikasi mengenai berita Bank of America, jemputan ke acara khas, aktiviti sukarelawan dan pelbagai faedah Alumni • Untuk menyediakan tawaran yang berkaitan dengan produk, perkhidmatan kewangan, dan faedah Bank of America • Untuk menghantar mesej daripada pasukan Rangkaian Alumni • Untuk membolehkan hubungan sukarela, komunikasi sosial dan rangkaian antara Alumni • Untuk memudahkan analisis data dan penyelidikan mengenai keberkesanan program Alumni kami dan aktiviti berkaitan • Untuk mencapai tujuan perniagaan lain Bank of America dan Rangkaian Alumninya • Untuk memantau bagi tujuan penipuan dan keselamatan, dan mencegah serangan siber • Untuk mematuhi kewajipan undang-undang dan kawal selia	• Butiran Peribadi: Nama*, Foto Profil, Lokasi Semasa*, Alamat Pos, Negeri* • Butiran Profesional: Status Pekerjaan*, Syarikat Semasa* dan Industri • Maklumat Hubungan: Alamat E-mel*, Profil LinkedIn, Nombor Telefon • Kerjaya di Bank of America: Tahun Bermula*, Baki Tahun*, Lini Perniagaan Terkini*, Kedudukan/Jawatan Terkini, Bandar Pejabat Bank of America*, Jawatan Korporat, Tahap, Negeri pejabat Bank of America, Nama pengurus terkini, ID Standard Bank of America (NBK ID), Nombor Peribadi Bank of America • Maklumat Akaun Kewangan • Maklumat Perancangan Persaraan/Pencen Soalan Pilihan: Minat dalam Kumpulan/Rangkaian Pekerja, Minat dalam Bidang Perkhidmatan Masyarakat	Persetujuan • Bagi mendapatkan kebenaran menggunakan data untuk menyampaikan Rangkaian Alumni termasuk untuk tujuan pendaftaran, sokongan dan perkhidmatan. Penarikan balik kebenaran tidak akan menjejaskan kesahihan pemprosesan berdasarkan persetujuan sebelum pembatalan kebenaran tersebut.

*Data Peribadi yang ditandakan dengan asterisk dalam Bahagiandi atas adalah wajib untuk diberikan oleh Alumni terus kepada Syarikat. Alumni boleh memberikan jenis-jenis Data Peribadi dan maklumat lain mengenai diri mereka secara sukarela. Pasukan Program Alumni boleh melampirkan atau meminda butiran Data Peribadi berikut berdasarkan rekod Sumber Manusia Global Bank of America (sebagai contoh, jika nombor individu yang telah dimasukkan oleh ahli dan ia mempunyai dua nombor terbalik atau medan itu dibiarkan kosong, kesilapan ini boleh dibetulkan oleh Pasukan Program Alumni bagi tujuan ketepatan data. Kategori data peribadi berikut boleh dimasukkan secara tidak langsung. Beberapa data peribadi yang disenaraikan di atas boleh dikongsi, dikumpul, digunakan, dipindah dan/atau didedahkan selaras dengan undang-undang/peraturan khusus negara.

Data tidak langsung yang dikumpul sepanjang tempoh pekerjaan anda dengan Syarikat:

- **Maklumat Pekerjaan:** Nama jawatan dan/atau kedudukan serta perihalan tanggungjawab/tugasan, golongan kerja, lokasi, tahap/kekananan, Pengecam Pekerja (cth., Nombor Individu), jabatan, barisan dan subbarisan perniagaan, nama entiti Syarikat tempatan, maklumat pusat kos, nama penyelia/pengurus/ketua pasukan.

Kategori Pihak Ketiga Tidak Bersekutu Yang Kami Boleh Berkongsi Data Peribadi

Kategori pihak ketiga	Data Peribadi	Tujuan memproses Data Peribadi anda	Negara Destinasi
Vendor Acara	Butiran Peribadi: Nama*, Foto Profil, Lokasi Semasa*, Alamat Pos, Negeri* Butiran Profesional: Status Pekerjaan*, Syarikat Semasa* dan Industri Maklumat Hubungan: Alamat E-mel*, Profil LinkedIn, Nombor Telefon	Untuk digunakan dalam perancangan acara dan komunikasi dengan ahli rangkaian Alumni Bank of America	Di peringkat global di mana kita beroperasi Lokasi Bank of America